
SIARAN MEDIA

MyCC MENGELUARKAN KEPUTUSAN TERHADAP TUJUH PUSAT TUISYEN DAN PENJAGAAN HARIAN

KUALA LUMPUR, 29 OKTOBER 2018 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (“MyCC”) telah mengeluarkan satu keputusan pelanggaran di bawah seksyen 40 Akta Persaingan 2010 (“Akta 712”) terhadap tujuh (7) pusat tuisyen dan penjagaan harian di kawasan SS19 Subang Jaya kerana terlibat dalam aktiviti penetapan harga.

MyCC telah memutuskan bahawa perusahaan-perusahaan terbabit telah melanggar seksyen 4 Akta 712 kerana telah membuat suatu perjanjian secara kolektif pada bulan Mei 2017 untuk menetapkan dan menyelaraskan yuran bagi perkhidmatan tuisyen dan penjagaan harian yang ditawarkan oleh pusat tuisyen dan penjagaan harian mereka.

Dalam keputusan yang sama, MyCC turut mengenakan penalti kewangan berjumlah RM33,068.85 secara kolektif ke atas ketujuh-tujuh perusahaan tersebut untuk sepanjang tempoh pelanggaran berlaku. Kesemua tujuh pusat tuisyen dan penjagaan harian berkenaan juga dikehendaki untuk segera berhenti dan menghentikan kegiatan penetapan harga dan menolak perjanjian penetapan harga dengan serta-merta serta dikehendaki untuk mendaftar dan melengkapkan kursus e-pembelajaran mengenai Pematuhan Persaingan bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam tempoh satu (1) bulan dari keputusan dikeluarkan.

Keputusan tersebut telah dicapai selepas mendengar serta mempertimbangkan representasi bertulis dan/atau lisan kesemua tujuh (7) pusat tuisyen dan penjagaan harian tersebut. Setiap perusahaan yang didapati melanggar Akta 712 mempunyai tiga puluh (30) hari dari tarikh keputusan untuk membayar penalti kewangan.

“Penetapan harga merupakan kegiatan kartel yang serius. Kegiatan ini mengakibatkan rakyat menjadi mangsa dan memaksa pengguna membayar harga yang melampau. Suruhanjaya tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana perusahaan yang terlibat dengan perlakuan kartel demi melindungi pengguna” Kata Encik Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut mengenai kes itu atau berkenaan MyCC, sila layari www.mycc.gov.my

--tamat--

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Noorliza Abdul Latiff, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: noorliza@mycc.gov.my

Bahagian Hal Ehwal Korporat

Suruhanjaya Persaingan Malaysia

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (Suruhanjaya Persaingan)

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan Suruhanjaya Persaingan, sila rujuk laman web www.mycc.gov.my.

Nota Untuk Pengarang:

1. Butiran Seksyen 4(1),(2)(a) dan (3) Akta Persaingan 2010 adalah seperti berikut:

Perjanjian mendatar dan menegak yang dilarang:

4. (1) *Suatu perjanjian mendatar atau menegak antara perusahaan dilarang setakat yang perjanjian itu mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.*

(2) *Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), suatu perjanjian mendatar antara perusahaan yang mempunyai matlamat untuk—*

(a) menetapkan, secara langsung atau tidak langsung, suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain;

(3) Mana-mana perusahaan yang merupakan suatu pihak kepada suatu perjanjian yang dilarang di bawah seksyen ini adalah bertanggung bagi pelanggaran larangan itu.

2. Butiran Seksyen 40 Akta Persaingan 2010:

Dapatan pelanggaran:

40. (1) *Jika Suruhanjaya memutuskan bahawa terdapat suatu pelanggaran suatu larangan di bawah Bahagian II, Suruhanjaya—*
- (a) *hendaklah menghendaki supaya pelanggaran itu dihentikan serta-merta;*
 - (b) *boleh menyatakan langkah yang perlu diambil oleh perusahaan yang melanggar, yang pada hemat Suruhanjaya adalah sesuai bagi menghentikan pelanggaran itu;*
 - (c) *boleh mengenakan penalti kewangan; atau*
 - (d) *boleh memberikan apa-apa arahan lain yang difikirkannya sesuai.*
- (2) *Suruhanjaya hendaklah, dalam tempoh empat belas hari dari membuat keputusannya di bawah Bahagian ini, memberitahu mana-mana orang yang tersentuh oleh keputusan itu.*
- (3) *Suruhanjaya hendaklah menyediakan dan menyiarkan sebab bagi setiap keputusan yang dibuatnya di bawah seksyen ini.*
- (4) *Suatu penalti kewangan tidak boleh melebihi sepuluh peratus daripada pusing ganti seluruh dunia suatu perusahaan sepanjang tempoh suatu pelanggaran berlaku.*